



ANUGERAH: Kristy menjadi graduan ASTIF pertama menerima Anugerah Pelajaran Diraja.

Kemalangan jejaskan penglihatan, graduan PhD UMS bangga mampu tamat pengajian

UB 13.12.2022 P.08

KOTAKINABALU: Tragedi terlibat dalam kemalangan hingga mengakibatkan mata kanannya mengalami kecederaan parah antara peristiwa pahit yang sukar dilupakan bagi graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Fetty Shamy Lin Yahya.

Kejadian ngeri yang berlaku pada 2015 itu juga menyebabkan penglihatan mata kanannya terjejas sekali gus menjadi kekangan dalam menjalani kehidupan harian.

Bagaimanapun, ia bukan penghalang kepada penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pendidikan Sains Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS ini untuk menyambung pengajian.

Ibu kepada tiga anak ini antara 377 graduan peringkat PhD yang diraikan sempena Majlis Konvokesyen UMS pada 10 Disember lepas.

Fetty yang berkhidmat sebagai pensyarah di Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah memulakan pengajian dalam program Doktor Falsafah Pendidikan Sains pada 2017.

“Saya terlibat dalam kemalangan jalan raya di Tuaran menyebabkan keadaan mata saya semakin teruk dan doktor menyarankan saya menggunakan kanta mata untuk membantu penglihatan.

“Mengikuti pengajian sepanjang pandemik COVID-19 antara kekangan besar terutama apabila semua kelas dijalankan secara atas talian.

“Sebagai seorang yang mengambil PhD dalam bidang penyelidikan, ia agak menyukarkan untuk mendapatkan data dan maklumat di tempat kajian,” katanya ketika ditemui media di sini.

Beliau berkata, kekangan yang dihadapi itu menyebabkannya mengambil



BANGGA: Fetty bangga dapat menamatkan pengajian peringkat PhD blarupun berdepan dengan pelbagai kekangan.

masayangpanjangberbanding masa yang ditetapkan untuk meneruskan pengajian.

Namun jelasnya, berkat doa ibu bapa, guru-guru, pensyarah, rakan sejawat, dan rakan sekelas akhirnya beliau mampu menamatkan pengajian.

Fetty berkata, seorang pelajar harus kreatif dan mendapat banyak sokongan untuk menerima maklumat dan apa yang diperlukan dalam pengajian.

Sementara itu, graduan Ijazah Sarjana Muda Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) muncul sebagai pelajar pertama program berkenaan yang menerima Anugerah Pelajaran Diraja sempena Majlis Konvokesyen UMS.

Kristy Samunting, 23, tidak menyangka akan menerima anugerah berkenaan kerana menganggap hanya pelajar dalam bidang sains, kejuruteraan, ekonomi, dan perakaunan yang menerima anugerah seumpama itu.

“Saya terharu dan bangga atas kejayaan diri saya sekarang serta sangat bersyukur kepada Tuhan.

“Jurusan saya sebelum ini adalah sains dan pernah bercita-cita untuk menjadi peguam ataupun arkitek. Namun menyedari bakat yang ada dalam diri, saya mengambil keputusan untuk

meneruskan pengajian dalam bidang seni,” katanya.

Beliau mengakui minat seni muzik sejak dulu lagi dan ibunya menyedari bakat nyanyiannya sejak kecil lagi kerana sering menyanyi di hadapan televisyen setiap kali hiburan muzik berlangsung.

Kristy sangat bersyukur kerana pilihannya untuk terus bergiat dalam dunia seni muzik adalah tepat.

“Saya mahu buktikan kepada orang ramai, walaupun mengambil seni muzik bukan bermakna hanya mampu menjadi artis sahaja, namun ada lebih banyak cabang lagi kita mampu lakukan dalam dunia seni ini,” jelasnya.

Semasa masih dalam pengajian, beliau turut bekerja sepanjang masa menjadi guru vokal secara atas talian, tanpa mengabaikan tugas dan latihan setiap hari kerana program berkenaan memerlukan banyak latihan di samping membaca bahan-bahan melalui e-book.

“Selepas ini saya akan ke Singapura kerana mendapat tawaran bekerja di Aureus Academy bermula Januari depan.

“Moto hidup yang saya pegang sehingga ke hari ini ialah ‘Do what you love, and love what you do’,” kata anak bongsu daripada lima adik-beradik ini.